



Gambar bersama Para Pengasas



“

Permulaan Yang Sederhana, Impian Yang Besar

ARABI BINTI YUSOF & MOHD NORHUSAIRI ABDUL HALIL

Bekas Pemilik Kedai Roti /
Bekas Pengurus Sukan Permotoran

Arabi Yusof dan Mohd Norhusairi Abdul Halil bermula dari latar belakang yang sederhana, tetapi mereka mempunyai impian yang besar.

Arabi merupakan anak bongsu daripada enam adik-beradik dan menjalani kehidupan yang sederhana. Walaupun tidak kaya dari segi harta, keluarganya kaya dengan nilai-nilai murni, ketabahan, kerja keras dan keikhlasan. Inilah nilai yang membentuk siapa diri beliau hari ini.

Pada akhir tahun 90-an, beliau berkahwin dengan Mohd Norhusairi Abdul Halil, seorang anak jati Petaling Jaya, Selangor pasangan hidupnya dan juga seorang usahawan.

Sebelum mengenali BE, perjalanan mereka penuh dengan pelbagai cabaran dan risiko. Kedua-duanya memilih laluan perniagaan konvensional, menjalankan pelbagai jenis perniagaan dari kedai roti sehinggalah bengkel kereta kontinental. Namun, semuanya memerlukan masa, tenaga dan modal yang besar, tetapi pulangannya tidak setimpal dengan usaha yang dicurahkan.

Kini, mereka dikurniakan lima orang cahaya mata yang menjadi sumber kekuatan dan motivasi sepanjang perjalanan kejayaan mereka.

Titik Perubahan: Keputusan Yang Mengubah Hidup

Dalam detik paling sukar dan penuh keputusasaan, Allah membuka jalan melalui sahabat Arabi, RCCA Amelia Ezreen. Ketika itu, Arabi sedang menanggung kesakitan akibat Plantar Fasciitis. Atas saranan Amelia, beliau mencuba Aulora Pants. Secara luar biasa, dalam masa hanya dua jam, 70% daripada kesakitannya hilang. Saat itulah beliau sedar, ini bukan sekadar sepasang seluar, tetapi satu peluang yang tidak ternilai.



Gambar berkumpul bersama kereta impian selepas membuka dana kereta kami

Tanpa berfikir panjang, beliau terus menghubungi Amelia dan membuat keputusan terbesar dalam hidupnya: untuk memberikan sepenuh jiwa dan raga dalam perjalanan bersama BE. Di sinilah bermulanya kisah luar biasa mereka.

Dari Kosong Hingga ke Puncak BE

Mereka bermula dari kosong, tanpa sebarang pengalaman dalam dunia pemasaran rangkaian. Arabi dibimbing oleh mentor hebat: RCCA Cheat Min dan RCCA Amelia. Mereka berkata, “Kalau nak berjaya, ikut 100% dan buat habis-habisan.” Dan beliau melakukannya dengan sepenuh hati, tanpa ragu dan tanpa berpaling ke belakang.

Beliau membina perniagaannya berdasarkan nasihat mereka, dengan konsistensi. Beliau fokus, tidak kenal penat, tidak gentar dengan ketakutan mahupun penilaian orang. Arabi tahu beliau perlu buktikan kepada diri sendiri dan keluarganya bahawa kegagalan bukan satu pilihan.

Dengan izin Allah dan usaha yang tidak pernah luntur, mereka akhirnya mencapai pangkat RCCA.

BE Mengubah Kehidupan Mereka

BE bukan sahaja mengubah kehidupan Arabi dan Norhusairi, malah membawa perubahan besar kepada seluruh keluarga mereka.

Seperti Arabi dan Norhusairi, sesiapa sahaja mampu memulakan perjalanan yang luar biasa, walaupun dari kosong, tanpa beban dan tekanan model perniagaan tradisional.

Dahulu, mereka dibelenggu hutang; hari ini, mereka menikmati kebebasan kewangan.

Dahulu, mereka hanya mampu memandu kereta sederhana; kini, mereka memandu BMW X3 M-Sport yang serba baharu. Dan sekarang, mereka sedang dalam proses memiliki rumah impian mereka.

Norhusairi, setelah menyaksikan perubahan ketara pada Arabi, akhirnya turut serta dalam perjalanan ini. Kini, mereka bukan sekadar suami isteri, tetapi juga rakan kongsi dalam BE,

Dalam perjalanan ke Shanghai, China untuk BE World Traveller



Gambar berkumpul bersama rakan-rakan RCCA



Membuka Dana Rumah

berganding bahu membina legasi untuk keluarga mereka.

BE bukan sekadar mencipta jutawan, ia membentuk insan. Di sini, kita belajar erti sebenar kepimpinan, disiplin, kejujuran, dan semangat berpasukan. Perjalanan ini bukan hanya tentang kejayaan, tetapi tentang menjadi versi terbaik diri kita.

Moto Hidup Kami: Berani Mula, Jangan Pernah Berhenti

Mereka berpegang teguh pada satu prinsip hidup: **"Berani mula, jangan pernah berhenti."**

Ramai yang menunggu masa yang sempurna, kewangan yang cukup, atau keyakinan yang penuh.

Namun realitinya, masa terbaik untuk bermula adalah sekarang.

Mereka bermula dari kosong, tiada pengalaman, tiada jaminan. Tetapi kerana mereka berani melangkah dan tidak pernah berhenti, hari ini mereka berdiri megah sebagai RCCA.



Membuka Dana Kereta semasa BE The Legend '23

Pesanan Buat Anda Yang Masih Teragak-agak

Jika anda sedang membaca ini dan masih dilanda keraguan, kami ingin tanya satu soalan: Sampai bila anda mahu menunggu?

Jika Arabi, yang pernah gagal selama 18 tahun dalam dunia perniagaan, mampu bangkit semula, anda juga boleh. Jangan takut untuk bermula dari bawah, kerana setiap kejayaan besar bermula dengan satu langkah kecil.

BE bukan tempat untuk orang yang sempurna, ia adalah tempat untuk orang yang mahu berubah, yang berani mencuba, dan yang tidak mudah menyerah.

Mereka bermula dengan RM1,000 terakhir. Hari ini, mereka sedang membina sebuah legasi untuk anak-anak dan generasi masa hadapan.

Jumpa anda di puncak.